

Perwakilan anjur Bazar Kebajikan

KUALA LUMPUR 14 April - Persatuan Wanita Kementerian Luar Negeri (Perwakilan) akan menganjur Bazar Kebajikan Antarabangsa Wisma Putra 2011 di International Charity Bazaar 2011 di Institut Diplomasi dan Hubungan Luar (IDFR) di sini pada hari Sabtu dan Ahad ini.

Wisma Putra dalam kenyataan akhbar hari ini berkata, tujuan utama penganjuran bazar kebajikan itu ialah bagi mengumpul dana yang akan disalurkan kepada beberapa wad pediatrik dan pertubuhan yang memerlukan di Kuala Lumpur.

Menurutnya bazar itu menyediakan platform dan peluang kepada pelbagai pejabat kedutaan dan pesuruhjaya tinggi dalam negara, untuk memupuk serta memperkenalkan budaya, pelancongan dan makanan tradisional negara masing-masing, di samping berpeluang untuk bersemuka dengan orang ramai.

"Acara dua hari itu akan dilancarkan oleh isteri Menteri Luar yang juga penaung Perwakilan, Datin Seri Siti Rubiah Abdul Samad turut disasar untuk mempromosi peranan dan fungsi Kementerian Luar serta institut latihannya, IDFR," kata kenyataan itu. - BERNAMA